



PROTON
INSPIRING CONNECTIONS

Siaran Akhbar

PROTON MELANCARKAN e.MAS 7 EV DI SINGAPURA

- Proton e.MAS melantik VINCAR Group sebagai pengedar sah
- Pemilik Proton e.MAS 7 dari Singapura turut menikmati bantuan tepi jalan di Malaysia

Subang Jaya, 19 Sept 2025 – PROTON secara rasmi melancarkan kereta elektrik (EV) pertamanya, Proton e.MAS 7, di Singapura minggu ini sekali gus menandakan kemunculan semula jenama ini di negara jiran selepas kira-kira 11 tahun. Pelancaran ini juga menyaksikan Proton menembusi tiga pasaran luar negara untuk model EV yang kini muncul sebagai EV paling laris di Malaysia.

Majlis pelancaran dihadiri oleh Dr Li Chunrong, Ketua Pegawai Eksekutif PROTON dan Vincent Tan, Ketua Pegawai Eksekutif VINCAR Group. Turut hadir ialah Ainol Azmil Bin Abu Bakar, Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif PROTON, Zhang Qiang, Ketua Pegawai Eksekutif PRO-NET, Edmund Lim Meng Thong, Ketua Pegawai Eksekutif Proton International Corporation, Ernest Tan, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif VINCAR Group serta Yusri Yusuf, Pengarah Kanan Strategi Korporat PROTON.

Turut memeriahkan majlis oleh pegawai-pegawai daripada Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Singapura iaitu Kavitha Mathuvay, Menteri (Ekonomi), Vinothan a/l Tulisi Nathzan, Kaunselor (Pelaburan), Siti Nordiana bt Mohamad Akhir, Pesuruhjaya Perdagangan, dan Intan Shafina Rasdi, Kaunselor (Ekonomi) serta para pelanggan VINCAR dan wakil media Singapura.

Dalam ucapan Dr Li Chunrong, "Malam ini bukan sekadar pelancaran sebuah produk, malah permulaan sebuah kerjasama — menggabungkan keupayaan dan inovasi PROTON dengan kepakaran serta kepercayaan pelanggan terhadap VINCAR. Malaysia dan Singapura bukan sahaja berjiran, malah berkongsi ikatan rapat melalui keluarga, perniagaan dan kehidupan harian. Justeru, kami berhasrat untuk memberikan sokongan terbaik kepada semua pelanggan Proton di Singapura."

Menawarkan EV paling lengkap dan selamat kepada pembeli Singapura

Proton e.MAS 7 telah membuktikan kedudukannya dalam pasaran EV Malaysia yang kompetitif. Sepanjang lapan bulan pertama tahun 2025, hampir 6,000 unit berjaya diserahkan kepada pelanggan, menjadikannya model EV paling popular di Malaysia dengan pegangan pasaran 24 peratus walaupun hanya mempunyai satu model dalam barisan produk ketika ini.

Model ini menggabungkan lima teras utama, rekaan bergaya, prestasi kukuh, keselamatan terjamin, keselesaan optimum dan teknologi pintar, disokong oleh rangkaian pusat 3S/4S terbesar di Malaysia untuk memberikan kemudahan dan keyakinan kepada pelanggan, khususnya mereka yang pertama kali memiliki EV. Dengan skor keselamatan ASEAN NCAP sebanyak 92.57 mata, ia juga menjadi model dengan pencapaian keselamatan tertinggi dalam segmennya.

Di Singapura, pelanggan boleh memilih Proton e.MAS 7 dalam dua varian, Prime dan Premium, dengan enam pilihan warna iaitu Platinum Silver, Lithium White, Turquoise Green, Slate Grey, Quartz Rose dan Obsidian Black. Dua pilihan warna dalaman turut ditawarkan, iaitu Indigo Blue dan Alabaster White.

Pakej ini merangkumi jaminan bateri selama 10 tahun tanpa had jarak perjalanan, lima tahun data roaming percuma di Malaysia dan Singapura serta bantuan tepi jalan rentas sempadan di Semenanjung Malaysia dan Singapura. Ini bermakna, pemilik dari Singapura boleh mendapatkan perkhidmatan menunda kenderaan mereka ke pusat servis PROTON di Malaysia sekiranya berlaku kerosakan ketika berada di Semenanjung Malaysia.

Dengan Malaysia juga bakal memulakan percubaan sistem National Integrated Immigration System (NIIS) pada 22 September, yang akan memudahkan perjalanan antara Singapura dan Johor Bahru, pemilik Proton e.MAS 7 boleh menantikan pengalaman pemanduan rentas sempadan yang lebih lancar dan selesa.

Harga pelancaran Proton e.MAS 7 di Singapura ialah SGD175,988 bagi varian Prime dan SGD179,988 bagi varian Premium termasuk COE yang hanya ditawarkan untuk 99 unit pertama sahaja. Semua pemilik Proton e.MAS 7 di Singapura juga bakal menikmati bantuan tepi jalan apabila memandu kenderaan di Malaysia.

Menurut Edmund Lim Meng Thong, Ketua Pegawai Eksekutif Proton International Corporation, “Pelancaran Proton e.MAS 7 hanyalah langkah pertama bagi kerjasama PROTON dan VINCAR di Singapura. Kami akan memperkenalkan lebih banyak model pada masa akan datang dengan memberi tumpuan kepada pasaran Kenderaan Tenaga Baharu (NEV) yang telah matang di Singapura.”

-TAMAT-

Latar Belakang PROTON

PROTON Holdings Berhad ditubuhkan sebagai projek kereta nasional pertama negara dengan matlamat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia dan membina asas kukuh bagi industri automotif tempatan. Sejak 2017, PROTON melangkah ke fasa baharu sebagai jenama automotif moden dan bertaraf global melalui kerjasama strategik antara dua pemegang saham utama DRB-HICOM dan Zhejiang Geely Holding Group. Kini, PROTON terus komited menawarkan kenderaan yang memenuhi janji Inspiring Connections, berpaksikan nilai teras seperti Teknologi Inovatif, Kebolehpercayaan serta Piawaian Antarabangsa yang menjadi teras setiap model yang dihasilkan.